

SULIT



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2019**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos 2019**

1103/1

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Bahagian A:
Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 atas (28 – 30) (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 atas (23 – 25) (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata luas. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan.
Kurang memuaskan	10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan huraiananya kurang jelas.
Pencapaian Minimum	01 – 09 atas (06 – 09) (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

4. Markah bersih/muktamad hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan pada halaman pertama karangan. Markah itu hendaklah dikepung dengan bulatan apabila markah itu sudah dicatat dalam Buku Markah/ Borang OMR.

Bahagian A 23 markah

Bahagian B 65 markah

Jumlah 88 markah

Pemeriksa hendaklah memberi komen sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none">● Kegramatisan:<ul style="list-style-type: none">- kata (morfologi)- ayat (sintaksis)● Tanda baca
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none">● Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none">● Tema● Isi utama● Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)● Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none">● Wacana● Logik● Pemerenggan● Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none">● Keindahan bahasa● Ungkapan● Peribahasa

**KRITERIA
PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan tanda baca betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai. • Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul. • <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • <u>Pengolahan</u> masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai. • <u>Wacana</u> masih lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> masih bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>kurang berkesan</u>.
MEMUASKAN	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad. • Ayat <u>kurang gramatis</u>. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum dan terhad. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • <u>Pengolahan</u> kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai. • <u>Wacana</u> masih / kurang lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> kurang bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>kurang berkesan</u>.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. • Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. • Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan ayat yang <u>tidak gramatis</u>. • Kesalahan <u>ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</u> tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Keseluruhan karangan <u>sukar / tidak difahami</u>.

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN
BAHAGIAN A
[30 MARKAH]**

Tugasan Soalan

1. Calon perlu menghuraikan kelebihan menguasai ilmu pengetahuan.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - Melanjutkan pelajaran
 - Mendapat pekerjaan
 - Menyelesaikan masalah

Cadangan jawapan:

Individu yang berilmu pengetahuan – melanjutkan pelajaran

- Mempunyai kesedaran tentang kepentingan ilmu
- Mempunyai kemahuan untuk mendalami ilmu
- Mempunyai visi untuk mencapai tahap pendidikan tertinggi

Individu yang berilmu pengetahuan – mendapat pekerjaan

- Mempunyai ilmu yang khusus dalam sesuatu disiplin ilmu.
- Mendapat latihan secara intensif
- Didedahkan kepada kemahiran-kemahiran insaniah seperti kemahiran dwibahasa, kemahiran TMK, kemahiran komunikasi

Individu yang berilmu pengetahuan – menyelesaikan masalah

- Mampu berfikir dengan lebih rasional
 - Merujuk kepada pihak yang berkenaan
 - Mencari jalan / idea terbaik
3. Jika huraian idea jelas, menarik dan matang dengan tiga idea, calon layak mendapat **peringkat cemerlang** (26-30 markah)
 4. Sekiranya calon menambah idea lain dan berkaitan dengan kelebihan menguasai ilmu, idea tersebut boleh diterima.
 5. Sekiranya calon tidak mengambil langsung idea yang diberikan tetapi mengemukakan idea sendiri, markah maksimum **peringkat kepujian** (20-25 markah)
 6. Sekiranya calon hanya mengambil satu idea sahaja dan ditambah dengan idea lain, periksa seperti biasa.
 7. Jika calon menjawab lebih daripada 250 patah perkataan, periksa seperti biasa.

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN

BAHAGIAN B

[100 markah]

Soalan 1

- 1 Setiap warganegara di negara ini perlu mempunyai semangat cinta akan negara .
Jelaskan cara-cara anda menunjukkan semangat cinta akan negara.

Cadangan jawapan

Format: Tiada

Tugasan soalan

1. Diharapkan calon dapat menjelaskan cara- cara menunjukkan semangat cinta akan negara. (menggunakan kata ganti nama diri *saya*)
2. Jika calon menjelaskan secara umum tentang cara-cara menunjukkan cinta akan negara tanpa menggunakan kata ganti nama diri *saya*, maksimum **peringkat kepujian**.
3. Jika calon hanya menyentuh secara umum tentang semangat cinta akan negara tanpa menjelaskan cara-cara, maksimum **peringkat memuaskan**.

Cadangan isi

1. Menghormati dan menghayati lagu-lagu patriotik
2. Meningkatkan ilmu tentang sejarah negara – sebagai persediaan masa hadapan
3. Menghargai jasa pejuang-pejuang negara
4. Melawat ke tempat-tempat bersejarah – dapat melahirkan semangat juang
5. Menyertai program dan sambutan Hari Kebangsaan

Terima mana-mana isi / idea yang relevan.

Soalan 2

Kesedaran sivik seperti amalan bertoleransi, mematuhi peraturan dan menjaga harta benda awam merupakan antara aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Huraikan peranan ibu bapa untuk menerapkan kesedaran sivik dalam diri anak-anak.

Cadangan Jawapan

Format:Tiada

Tugasan Soalan:

1. Calon perlu menghuraikan peranan ibu bapa menerapkan kesedaran sivik seperti **amalan bertoleransi, mematuhi peraturan dan menjaga harta benda awam** (ketiga-tiga stimulus dihuraikan – **peringkat cemerlang**)
2. Sekiranya calon menghuraikan peranan ibu bapa tentang kesedaran sivik,tetapi hanya mengaitkan satu/dua stimulus sahaja, maksimum **peringkat kepujian**.
3. Jika calon hanya menghuraikan peranan ibu bapa menerapkan kesedaran sivik secara umum sahaja tanpa mengaitkan dengan stimulus yang dinyatakan, maksimum **peringkat baik**.
4. Sekiranya calon mengemukakan isu kesedaran sivik tanpa mengaitkan peranan ibu bapa - maksimum **peringkat memuaskan**.

Cadangan Isi:

- (i) Peranan ibu bapa - **mendidik anak-anak untuk bertolak ansur** sesama adik-beradik, bersabar dan boleh berlebih kurang dengan rakan-rakan atau jiran-jiran, sedia menerima pendapat / fikiran orang lain yang lebih tua atau yang lebih muda dan menghormati kepercayaan kaum lain.
- (ii) Peranan ibu bapa – **mendisiplinkan anak-anak** untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh ibu bapa di rumah, tidak melanggar peraturan dan undang-undang di sekolah dan di mana-mana sahaja, mengenakan hukuman jika mereka melanggar peraturan tersebut.
- (iii) Peranan ibu bapa – **menjadi suri teladan** kepada anak-anak dengan menggunakan pengangkutan awam secara bertanggungjawab, mengelakkan pembaziran air atau elektrik di tandas awam, menjaga kebersihan di taman rekreasi awam.

Soalan 3

Terdapat pelbagai cara untuk menghargai warga tua.
Bincangkan usaha-usaha pelbagai pihak untuk menghargai jasa mereka.

Cadangan jawapan

Format : Tiada

Tugasan soalan

1. Diharapkan calon dapat membincangkan usaha-usaha pelbagai pihak untuk menghargai jasa warga tua.
2. Jika calon membincangkan usaha **satu** pihak sahaja, maksimum **peringkat baik**.

Cadangan Isi:

1. Kerajaan memberikan bantuan kewangan; sebagai contoh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) memberikan bantuan RM 300 sebulan kepada warga tua. Terdapat juga bantuan sara hidup kepada mereka.
2. Masyarakat meraikan warga tua melalui Sambutan Hari Warga Tua. (Sambutan ini telah diperuntukkan dalam perlembagaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sambutan ini diadakan pada 1 Oktober setiap tahun.
3. Media massa perlu menyampaikan mesej menghargai warga tua; contoh dalam filem /drama/ iklan-iklan memasukkan unsur penghormatan kepada warga tua.
4. Ibu bapa menunjukkan suri teladan kepada anak-anak untuk menghormati warga tua.
5. Di sekolah, guru-guru perlu menasihati pelajar agar menghormati warga tua.
6. Pihak swasta juga perlu menyediakan kemudahan kepada warga tua seperti menyediakan kemudahan tandas, potongan harga bagi sesetengah pengangkutan awam.

Soalan 4

Krisis makanan yang melanda beberapa buah negara di dunia berpunca daripada beberapa faktor.

Tulis rencana tentang faktor-faktor berlakunya krisis tersebut.

Format:Rencana

(tajuk dan nama penulis)

Tugasan Soalan

1. Diharapkan calon dapat menulis rencana tentang faktor-faktor berlakunya krisis makanan di dunia.
2. Sekiranya calon menulis faktor-faktor tentang krisis makanan di dunia tanpa mengaitkan contoh pada peringkat antarabangsa, **maksimum peringkat baik.**
3. Sekiranya calon menulis faktor-faktor tentang berlakunya krisis makanan di dunia, tetapi bukan dalam bentuk rencana, **maksimum peringkat kepujian.**

Cadangan Jawapan

Faktor berlakunya krisis makanan di dunia

1. Kenaikan harga makanan dunia akibat kenaikan harga minyak di pasaran dunia. Menurut statistik Bank Dunia, harga pasaran makanan global secara purata meningkat sebanyak 75 peratus sejak tahun 2000, manakala kadar simpanan bijirin dunia berada pada tahap terendah sejak 30 tahun.
2. Pertambahan jumlah penduduk dunia yang tidak seimbang dengan pengeluaran makanan. Dianggarkan bahawa penduduk dunia akan bertambah melebihi 9 bilion orang menjelang tahun 2050
3. Peningkatan terhadap bekalan makanan /perubahan tabiat pemakanan
4. Perubahan iklim yang ketara /bencana alam seperti banjir dan kemarau /pencemaran/peperangan
5. Kemosrotan stok makanan dunia

Soalan 5

*Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah*

Petikan gurindam di atas membawa maksud kebaikan yang diperoleh apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan seharian.
Ulas pernyataan tersebut.

1. Diharapkan calon dapat mengulas kebaikan yang diperoleh apabila lidah atau tutur kata dijaga dengan baik. (seperti yang terdapat dalam gurindam.)

Cadangan jawapan

Kebaikan menjaga tutur kata

1. Pertuturan atau kata-kata melambangkan keperibadian/sahsiah
2. Tutur kata yang baik dapat melembutkan hati / sopan
3. Disenangi /dipandang tinggi atau mulia oleh masyarakat
4. Urusannya dipermudah
5. Memperoleh ramai kawan/ tiada musuh/mengelakkan persengketaan
6. Mewujudkan perpaduan kaum

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT